

12/04/1997

Sejarah penting Nik Aziz, Kelantan

BEBERAPA perkembangan menarik baru-baru ini boleh kita jadikan tanda perubahan dalam politik. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diraikan oleh menteri dalam satu majlis jamuan di ibu kota. Antara tetamu yang ikut merayakan Perdana Menteri menerima anugerah antarabangsa Anugerah Jawaharlal Nehru dan Anugerah al-Malik Faisal ialah wakil daripada parti pembangkang serta wakil NGO. Mahathir dalam ucapannya menyatakan terharu kerana antara yang hadir pada malam itu ialah wakil pembangkang. Bagi Perdana Menteri, kehadiran mereka mengandungi makna kerana, katanya ketika menyambut ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai Perdana Menteri, dia bertuah memimpin negara ini. Katanya, parti pembangkang memainkan peranannya mengikut lunas perlembagaan. Negara tetap aman dan tenteram, tidak seperti di beberapa negara lain perselisihan faham antara parti politik mengakibatkan huru-hara dalam negara.

Jamuan itu disusul dengan kunjungan Perdana Menteri ke Kota Bharu Kelantan. Kunjungan kali ini mengandungi erti yang lebih besar. Kerajaan negeri pimpinan Datuk Nik Aziz Nik Mat menyeru rakyat Kelantan supaya beramai-ramai datang ke lapangan terbang menyambut kedatangan Perdana Menteri. Akhbar lidah rasmi Pas menyiarkan satu halaman penuh kata-kata aluan atas kedatangan Perdana Menteri. Nik Aziz memuji Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin ulung yang memberikan banyak jasa dan bakti kepada bangsa dan negara.

Dr Mahathir datang ke Kota Bharu untuk menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama antara KUB Malaysia Berhad dengan Kecil Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, untuk menubuhkan kompleks petrokimia di Pantai Senok Bachok. Kompleks ini dijangka menjalankan projek hiliran gas dan minyak dan dijangka siap pada 2003.

Perdana Menteri pula mengambil kesempatan kunjungan singkatnya itu untuk menghadap Sultan Kelantan.

Media menyifatkan pertemuan antara Nik Aziz dengan Perdana Menteri serta sambutan meriah pemimpin dan pengikut parti itu kepada Mahathir sebagai peristiwa sejarah.

Dr Mahathir gembira Pas dan Umno walaupun berseteru dalam politik, tetapi duduk semeja dan berunding memajukan perniagaan di Kelantan. Ini petanda baik untuk masa depan Kelantan. Dalam perniagaan, perbezaan politik tidak harus menjadi halangan, kata Mahathir lagi sambil menceritakan pengalamannya berniaga sebelum menjadi Perdana Menteri.

Mahathir memberi jaminan Kerajaan Pusat akan menyokong usaha pembangunan yang baik untuk negeri dan rakyat Kelantan. Beliau juga memberi jaminan pelabur yang ingin berniaga di Kelantan tidak akan disenarai hitamkan. Menurut laporan akhbar, dalam lawatan itu Perdana Menteri diiringi untuk kali pertama oleh Menteri Besar, Nik Aziz sepanjang atur cara itu.

Untuk Nik Aziz sebagai Menteri Besar, kedatangan Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani usaha sama KUB Sdn Bhd dan syarikat Kecil itu tentu satu perkembangan yang dialu-alukan. Perdana Menteri tidak saja datang sebagai pemimpin Kerajaan Pusat secara rasmi tetapi untuk kali pertama Dr Mahathir menjelaskan sikap dan dasar Umno serta Kerajaan Pusat terhadap isu pembangunan ekonomi di Kelantan.

Kerajaan Pusat tiada masalah untuk bekerja dengan kerajaan Pas di Kelantan, katanya. Menurut beliau dalam usaha membangun ekonomi negeri

Kelantan Kerajaan Pusat sentiasa bersikap pragmatik.

Selain kedatangan Perdana Menteri yang jadi detik bersejarah untuk kerajaan Nik Aziz, sambutan hari keputeraan yang ke-47 Sultan Kelantan juga mencatat sejarah.

Kali ini Nik Aziz diterima menghadap Sultan untuk menyampaikan ucapan taat setia dan menyambut ketibaan baginda pada majlis itu. Mesra semula, kata Harakah dalam siarannya mengenai peristiwa itu.

Sultan pula bertitah sendiri dan walaupun tidak secara terbuka menyentuh salah faham antara pihaknya dengan kerajaan negeri tetapi titahnya banyak mengandungi nasihat agar salah faham itu tidak berulang.

Baginda kesal ada sesetengah pihak yang cuba menghalang rakyat mendapat maklumat daripada sumber yang sah. Baginda bertitah, ada pihak yang memilih untuk 'menghina'. Cara demikian, titah baginda, tidak akan menyelesaikan. Ada kesamaran, titah baginda, mengenai fungsi dan tanggungjawab pihak tertentu kebelakangan ini. Beberapa masalah timbul kerana ada tuduhan yang tidak berasas, titah baginda lagi.

Baginda menasihatkan rakyat menghormati undang-undang dan peraturan negara.

Adalah jelas baginda secara tidak langsung menyentuh krisis dalam hubungannya dengan kerajaan negeri yang menurut titahnya itu terbit daripada salah faham terhadap tanggungjawab dan tugas masing-masing. Ini bertambah kusut kerana segolongan rakyat tidak memahami pemisahan kuasa dan hak kerajaan negeri, istana dan rakyat.

Dua peristiwa ini - kedatangan Perdana Menteri ke Kota Bharu dan Hari Keputeraan Baginda Sultan ke 47 - adalah dua hari penuh erti untuk Nik Aziz.

(END)